



Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

## **PRIVACY POLICY / POLISI PRIVASI**

This Privacy Policy (and any amendment thereof which may be made from time to time) ["Privacy Policy"] outlines and explains the policies and principles pertaining to the personal data that we hold from you, as the policy holder or driver(s) named in the insurance policy maintained with us ("Policy") or the individual providing the personal data or any information being the subject matter of this Privacy Policy to us. This Privacy Policy sets out the manner in which we deal with your personal data, including, the manner in which we collect, process, use, disclose, transfer and store your personal data. This Privacy Policy applies to our day-to-day operations, including visitors to our website.

*Polisi Privasi ini (dan sebarang pindaan yang mungkin dibuat dari semasa ke semasa) ["Polisi Privasi"] menggariskan dan menerangkan dasar dan prinsip yang berkaitan dengan data peribadi anda yang kami pegang, sebagai pemegang polisi atau pemandu-pemandu yang dinamakan di dalam polisi insurans yang dikeluarkan oleh kami ("Polisi") atau individu yang memberikan data peribadi atau sebarang maklumat yang menjadi subjek Polisi Privasi ini kepada kami. Polisi Privasi ini menetapkan cara mengurus data peribadi anda, termasuk cara kami mengumpul, memproses, menggunakan, mendedahkan, memindahkan dan menyimpan data peribadi anda. Polisi Privasi ini digunakan untuk operasi harian kami, termasuk pelawat ke laman web kami.*

Your purchase or subscription of our products or services are subject to the terms and conditions of the relevant products or services and other rules, policies and regulations which have been issued or will be issued by us from time to time, and this Privacy Policy should be read into those terms and conditions, rules, policies and regulations to the extent as relevant and applicable. In certain specific instances, this Privacy Policy may also be supplemented by additional policies and terms, or any short notice or statement used in connection with a particular purpose(s) or on various forms issued by us from time to time.

*Pembelian atau langganan produk atau perkhidmatan kami adalah tertakluk kepada terma dan syarat produk atau perkhidmatan yang berkaitan dan peraturan lain yang telah dikeluarkan atau akan dikeluarkan oleh kami dari semasa ke semasa, dan Polisi Privasi ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat yang berkaitan. Dalam keadaan tertentu, Polisi Privasi ini juga boleh dipinda dengan dasar dan terma tambahan, atau sebarang notis ringkas atau kenyataan yang digunakan bagi tujuan tertentu atau dalam pelbagai bentuk yang dikeluarkan oleh kami dari semasa ke semasa.*

This Privacy Policy constitutes written notice to you in accordance with the Data Protection Principles under the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"). In addition, this Privacy Policy shall also constitute a written notice (as the context shall require) in relation to personal data of any other individual who has not purchased or subscribed for a products or services but whose data is required to be collected by us by reason of, or incidental to, the provision of any products or services to our policy holders, including, without limitation the driver(s) named in the Policy. Kindly review this Privacy Policy on a periodic basis to stay informed of your rights and of the protection accorded to you under the PDPA.

*Polisi Privasi ini mengandungi notis bertulis kepada anda selaras dengan Prinsip-prinsip Perlindungan Data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Di samping itu, Polisi Privasi ini juga akan membentuk satu notis bertulis (mengikut konteks yang dikehendaki) berhubung dengan data peribadi mana-mana individu lain yang belum membeli atau melanggan produk atau perkhidmatan tetapi datanya diperlukan untuk dikumpulkan oleh kami bagi penyediaan mana-mana produk atau perkhidmatan kepada pemegang polisi kami, termasuk dan tidak terhad kepada, pemandu yang dinamakan di dalam Polisi. Sila semak Polisi Privasi ini secara berkala untuk kekal maklum tentang hak anda dan perlindungan yang diberikan kepada anda di bawah PDPA.*



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

By using this website and/or by submitting your personal data to us, you have agreed to be bound by this Privacy Policy. The processing of your personal data shall be as outlined and explained in this Privacy Policy.

*Dengan menggunakan laman web ini dan/atau dengan menyerahkan data peribadi anda kepada kami, anda telah bersetuju untuk terikat dengan Polisi Privasi ini. Pemprosesan data peribadi anda adalah seperti yang digariskan dan dijelaskan dalam Polisi Privasi ini.*

(In this Privacy Policy, the term “we”, “our”, “us”, refers to Pacific & Orient Insurance Co. Berhad or any of its affiliates or any related companies or any other third party authorised for the collection of the personal data or any information being the subject matter of this Privacy Policy.)

*(Di dalam Polisi Privasi ini, istilah “kami” merujuk kepada Pacific & Orient Insurance Co. Berhad atau mana-mana sekutunya atau mana-mana syarikat yang berkaitan atau mana-mana pihak ketiga yang lain yang dibenarkan untuk pengumpulan data peribadi atau apa-apa maklumat yang menjadi subjek Polisi Privasi ini.)*

### **1. Consent to the Processing and Use of Personal Data**

#### **1. *Persetujuan bagi Pemprosesan dan Penggunaan Data Peribadi***

Personal data in this Privacy Policy refers to any information that relates directly or indirectly to an individual, who is identified or identifiable from that and other information in our possession, including any sensitive personal data (i.e. personal data consisting of information as to your physical or mental health, political opinions, religious beliefs or other beliefs of a similar nature, the commission or alleged commission of any offence) and expression of opinion about the individual, where such individual refers to any of our policy holders or driver(s) named in the Policy or any other individual providing the personal data or any information being the subject matter of this Privacy Policy to us, including individual who has not purchased or subscribed for a products or services but whose data is required to be collected by us by reason of, or incidental to, claims under the Policy, purchase or subscription of any products or services.

*Data peribadi dalam Polisi Privasi ini merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan individu, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam simpanan kami, termasuk sebarang data peribadi sensitif (iaitu data peribadi yang terdiri daripada maklumat mengenai fizikal atau kesihatan mental, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, pelakuan atau dakwaan melakukan apa-apa kesalahan) dan luahan pendapat tentang individu tersebut, di mana individu tersebut merujuk kepada mana-mana pemegang polisi atau pemandu yang dinamakan dalam Polisi atau mana-mana individu lain yang memberikan data peribadi atau apa-apa maklumat yang menjadi subjek Polisi Privasi ini kepada kami, termasuk individu yang belum membeli atau melanggan produk atau perkhidmatan tetapi datanya diperlukan untuk kami kumpulkan oleh sebab atau bersampingan dengan tuntutan di bawah Polisi, pembelian atau langganan mana-mana produk atau perkhidmatan.*

It is not obligatory for you to supply us with your personal data when you interact with us to enquire about our products or to purchase or subscribe for any of our products or services. In this regards, by providing us your personal data and by maintaining your Policy with us or maintaining your subscription of our services, it is deemed that you have given your consent for us to use and process your personal data in accordance with this Privacy Policy. Failure to consent to the above may result in you not having any insurance coverage and that any Policy that may have been issued being cancelled and deemed void ab initio / from inception and any service being discontinued or abandoned.



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

*Anda tidak wajib membekalkan kami dengan data peribadi anda apabila anda berinteraksi dengan kami untuk bertanya tentang produk kami atau untuk membeli atau melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami. Dalam hal ini, dengan memberikan kami data peribadi anda dan dengan mengekalkan Polisi anda dengan kami atau mengekalkan langganan perkhidmatan kami, anda dianggap telah memberikan kebenaran anda untuk kami menggunakan dan memproses data peribadi anda mengikut Polisi Privasi ini. Kegagalan untuk bersetuju dengan perkara di atas boleh menyebabkan anda tidak mempunyai sebarang perlindungan insurans dan mana-mana Polisi yang mungkin telah dikeluarkan akan dibatalkan dan dianggap terbatal ab initio / dari permulaan, dan sebarang perkhidmatan dihentikan atau diabaikan.*

In relation to personal data of any other individual who is not a policy holder but whose data is required to be collected by us to facilitate the processing of claims or the provision of our products or services to the policy holder, including, without limitation, the driver(s) named in the Policy, the policy holder confirms and warrants that he has obtained the consent of such individual for the personal data of such individual to be collected and processed by us, or in the event that this is not practicable, it is deemed that such individual has given consent for us to process and use his personal data by you maintaining your Policy with us or by you maintaining your subscription of our services.

*Berhubung dengan data peribadi mana-mana individu lain selain pemegang polisi dimana datanya diperlukan untuk kami kumpul bagi memudahkan pemprosesan tuntutan atau penyediaan produk atau perkhidmatan kami kepada pemegang polisi, termasuk, tanpa had, pemandu-pemandu yang dinamakan di dalam Polisi, pemegang polisi mengesahkan dan menjamin bahawa dia telah mendapat persetujuan individu tersebut untuk data peribadi individu tersebut dikumpul dan diproses oleh kami, atau sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan, ia dianggap individu tersebut telah memberikan kebenaran untuk kami memproses dan menggunakan data peribadinya dengan anda mengekalkan Polisi anda dengan kami atau dengan anda mengekalkan langganan perkhidmatan kami.*

When we need to collect your personal data for a purpose not set out in this Privacy Policy, we will endeavour to notify you and obtain your consent before such collection, or in the event that this is not practicable, as soon thereafter as is reasonable. In respect of your sensitive personal data, we will only use your sensitive personal data for the purposes of providing the service(s) or process you request from us (or in facilitating the provision of our services) and to facilitate the purchase of the product(s) by you to the extent as permissible under the PDPA, and where it is practicable, we will endeavour to notify you and obtain your consent before the processing and use of your sensitive personal data.

*Apabila kami perlu mengumpul data peribadi anda untuk tujuan yang tidak dinyatakan dalam Polisi Privasi ini, kami akan berusaha untuk memaklum anda dan mendapatkan persetujuan anda sebelum pengumpulan tersebut, atau sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan, serta merta sejurus itu. Berkenaan dengan data peribadi sensitif anda, kami hanya akan menggunakan data peribadi sensitif anda bagi tujuan menyediakan perkhidmatan atau proses yang anda minta daripada kami (atau dalam memudahkan penyediaan perkhidmatan kami) dan untuk memudahkan pembelian produk oleh anda seperti yang dibenarkan di bawah PDPA, dan di mana ia boleh dilaksanakan, kami akan berusaha untuk memaklum anda dan mendapatkan persetujuan anda sebelum pemprosesan dan penggunaan data peribadi sensitif anda.*

You have the choice, at any time, not to provide your personal data and / or sensitive personal data, or to revoke your consent for us to process or use your personal data and / or sensitive personal data by writing to us at the address as shown in Section 11 of this Privacy Policy. However, failure to provide such data or revocation of your consent may result in you not having any insurance coverage and that any Policy that may have been issued being cancelled and deemed void ab initio / from inception and any service being discontinued or abandoned.



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

*Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan data peribadi anda dan/atau data peribadi sensitif, atau membatalkan persetujuan anda untuk kami memproses atau menggunakan data peribadi anda dan/atau data peribadi sensitif anda dengan menulis kepada kami di alamat seperti yang ditunjukkan dalam Perkara 11 Polisi Privasi ini. Walaubagaimanapun, kegagalan untuk memberikan data sedemikian atau pembatalan persetujuan anda boleh menyebabkan anda tidak mempunyai sebarang perlindungan insurans dan mana-mana Polisi yang mungkin telah dikeluarkan akan dibatalkan dan dianggap terbatal ab initio / dari permulaan dan sebarang perkhidmatan dihentikan atau diabaikan.*

### **2. Types of Personal Data** **2. Jenis-jenis Data Peribadi**

We obtain your personal data through various ways or channels in the ordinary course of carrying out the Purposes as stated in this Privacy Policy. The usual (but not exhaustive) channels by which we do so are when:

- (a) You submit a proposal form to us for the purchase of our product(s) or for the subscription of our service(s) or submit a third-party claim to us;
- (b) You interact with any of our representatives;
- (c) You access our website and fill up any forms therein;
- (d) You access our website and perform any online transaction;
- (e) You interact with our customer service officers;
- (f) You are contacted by, and respond to, our telemarketer; and / or
- (g) You participate in any of our customer surveys or any campaigns, activities or events organised by us.

*Kami memperoleh data peribadi anda melalui pelbagai cara atau saluran bagi melaksanakan Tujuan seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini. Saluran biasa (tetapi tidak menyeluruh) yang kami lakukan adalah apabila:*

- (a) *Anda menyerahkan borang cadangan kepada kami untuk pembelian produk kami atau untuk melanggan perkhidmatan kami, atau menyerahkan tuntutan pihak ketiga kepada kami;*
- (b) *Anda berinteraksi dengan mana-mana wakil kami;*
- (c) *Anda mengakses laman web kami dan mengisi sebarang borang di dalamnya;*
- (d) *Anda mengakses laman web kami dan melakukan sebarang transaksi dalam talian;*
- (e) *Anda berinteraksi dengan pegawai perkhidmatan pelanggan kami;*
- (f) *Anda dihubungi oleh, dan membalas, telemarketer kami; dan / atau*
- (g) *Anda mengambil bahagian dalam mana-mana tinjauan pelanggan kami atau sebarang kempen, aktiviti atau acara yang dianjurkan oleh kami.*

We may also obtain your personal data from a third party in the event you fall within one of the category of persons covered in Section 9 of this Privacy Policy as well as from authorised third parties (e.g. law firms, credit reference agencies, regulatory and enforcement agencies, financial or banking institutions).



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

*Kami juga mungkin mendapatkan data peribadi anda daripada pihak ketiga sekiranya anda termasuk dalam salah satu kategori individu yang diliputi dalam Perkara 9 Polisi Privasi ini serta daripada pihak ketiga yang dibenarkan (contoh: firma guaman, agensi rujukan kredit, agensi kawal selia dan penguatkuasaan, institusi kewangan atau perbankan).*

The types of personal data which we may collect from you are the information which relates directly or indirectly to you and /or your transactions with us. The types of information collected will be as set out in the various forms and documentation you submit to us through the abovementioned channel or in various forms and documentation prescribed by us. Examples of information collected by us are your name, your NRIC number, address and occupation. Please be informed that we may from time-to-time request from you other or further information to enable us to proceed or to continue with the provision of our services or products and / or which is necessary for the Purposes as set out in Section 3 below.

*Jenis-jenis data peribadi yang mungkin kami kumpulkan daripada anda ialah maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Jenis maklumat yang dikumpul adalah seperti yang dinyatakan dalam pelbagai borang dan dokumen yang anda serahkan kepada kami melalui saluran yang disebutkan di atas atau dalam pelbagai bentuk dan dokumen yang ditetapkan oleh kami. Contoh maklumat yang kami kumpulkan ialah nama, nombor kad pengenalan, alamat dan pekerjaan anda. Sila ambil maklum bahawa kami mungkin dari semasa ke semasa akan meminta maklumat lain / lanjut untuk membolehkan kami meneruskan penyediaan perkhidmatan atau produk kami dan/atau yang diperlukan untuk Tujuan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 3 di bawah.*

(The abovementioned types of personal data are also applicable to the collection of personal data of any other individual who has not purchased or subscribed for a products or services but whose data is required to be collected by us to facilitate the provision of our products or services to the policy holder, to the extent as relevant and applicable, and includes information in respect of the relationship between such individual with the particular policy holder.)

*(Jenis-jenis data peribadi yang disebutkan di atas juga terpakai untuk pengumpulan data peribadi mana-mana individu lain yang belum membeli atau melanggan produk atau perkhidmatan tetapi datanya perlu dikumpulkan oleh kami untuk memudahkan penyediaan produk atau perkhidmatan kami kepada pemegang polisi, setakat yang relevan dan terpakai, dan termasuk maklumat berkenaan dengan perhubungan antara individu tersebut dengan pemegang polisi tertentu.)*

Where we collect information through our website, we may automatically collect certain non-personal information regarding the website user that does not identify you, and this includes the Internet Protocol (IP) address of your computer, and the date and time you access the website ("non-personal information"). We may use non-personal information to compile tracking information report for our better outstanding and study to best meet the needs of visitors to our website, under these circumstances, you will remain anonymous to us unless you specifically choose to share information with us.

*Apabila kami mengumpul maklumat melalui laman web kami, secara automatic kami mungkin mengumpul maklumat bukan peribadi tertentu mengenai pengguna laman web yang tidak boleh dikenal pasti sebagai anda, dan ini termasuk alamat Internet Protocol (IP) komputer anda, tarikh dan masa anda mengakses laman web ("maklumat bukan peribadi"). Kami mungkin menggunakan maklumat bukan peribadi untuk membuat laporan maklumat dan kajian membaik pulih untuk memenuhi keperluan pelawat ke laman web kami. Dalam keadaan ini, anda akan kekal tidak boleh dikenal pasti melainkan anda secara khusus memilih untuk berkongsi maklumat dengan kami.*



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

### 3. Purposes of Personal Data Collected

#### 3. Tujuan Data Peribadi Dikumpul

We collect the personal data for the following purposes:

- (a) to carry out services or provide products and / or to complete transactions entered into with policy holders;
- (b) to carry out our daily operations, services and / or facilities as an insurance company;
- (c) to establish your personal identification and background;
- (d) marketing our services and / or products;
- (e) market research and statistical analysis and surveys with the aim of improving our products and services;
- (f) to personalise our products and services;
- (g) to maintain and update our records;
- (h) to respond to queries, requests or complaints;
- (i) to enhance our products and services and / or to enforce our legal rights;
- (j) to support our business, financial and risk monitoring, planning and decision making;
- (k) to process your application and to verify your eligibility for products and services;
- (l) for the provision and design of insurance, our services or other related products;
- (m) to process any credit, medical, security and underwriting checks and insurance claims;
- (n) to process payment instructions;
- (o) to inform you about our products and services;
- (p) to inform you about campaigns, events and activities organised by us or otherwise and those of other entities whose ultimate parent company is Pacific & Orient Berhad; and / or
- (q) for all other purposes relating to the above (or otherwise) but not specifically mentioned herein.

*Kami mengumpul data peribadi untuk tujuan-tujuan berikut:*

- (a) *untuk menjalankan perkhidmatan atau menyediakan produk dan/atau untuk menyelesaikan transaksi yang dibuat dengan pemegang polisi;*
- (b) *untuk menjalankan operasi harian, perkhidmatan dan/atau kemudahan sebagai syarikat insurans;*
- (c) *untuk mengenal pasti pengenalan diri dan latar belakang anda;*
- (d) *memasarkan perkhidmatan dan/atau produk kami;*
- (e) *penyelidikan pasaran dan analisis statistik dan tinjauan dengan tujuan untuk menambah baik produk dan perkhidmatan kami;*
- (f) *untuk memperincikan produk dan perkhidmatan kami;*
- (g) *untuk mengekalkan dan mengemas kini rekod kami;*
- (h) *untuk menjawab pertanyaan, permintaan atau aduan;*
- (i) *untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kami dan / atau untuk menguatkuasakan hak undang-undang kami;*
- (j) *untuk menyokong perniagaan kami, pemantauan kewangan dan risiko, perancangan dan membuat keputusan;*
- (k) *untuk memproses permohonan anda dan untuk mengesahkan kelayakan anda untuk produk dan perkhidmatan;*
- (l) *untuk penyediaan dan reka bentuk insurans, perkhidmatan kami atau produk lain yang berkaitan;*
- (m) *untuk memproses sebarang semakan kredit, perubatan, keselamatan dan pengunderaitan dan tuntutan insurans;*
- (n) *untuk memproses arahan pembayaran;*
- (o) *untuk memaklumkan anda tentang produk dan perkhidmatan kami;*
- (p) *untuk memaklumkan anda tentang kempen, acara dan aktiviti yang dianjurkan oleh kami atau sebaliknya dan entiti lain yang syarikat induk utamanya ialah Pacific & Orient Berhad; dan / atau*
- (q) *untuk semua tujuan lain yang berkaitan dengan perkara di atas (atau sebaliknya) tetapi tidak disebut secara khusus di sini.*



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

Our use of the personal data may also be extended to other purposes, including to comply with all applicable legislation, laws and regulations, to prevent fraud or illegal activities, or, to enforce or defend any of our rights.

*Penggunaan data peribadi juga boleh digunakan bagi tujuan lain, termasuk bagi memastikan pematuhan pada undang-undang dan peraturan yang berkenaan, untuk mencegah penipuan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang, atau untuk menguatkuasakan atau mempertahankan mana-mana hak kami.*

(all the above purposes stated in this Section shall collectively be referred to as “the Purposes”).

*(semua tujuan di atas yang dinyatakan dalam Perkara ini dirujuk sebagai "Tujuan").*

Failure to supply personal data may result in us being unable to carry out or fulfill our obligations in respect of the Purposes, and including you not having any insurance coverage and that any Policy that may have been issued being cancelled and deemed void ab initio / from inception and any service being discontinued or abandoned.

*Kegagalan untuk memberikan data peribadi boleh menyebabkan kami tidak dapat melaksanakan atau memenuhi kewajipan kami bagi memenuhi Tujuan, termasuk anda juga tidak mempunyai sebarang perlindungan insurans dan mana-mana Polisi yang mungkin telah dikeluarkan akan dibatalkan dan dianggap terbatal ab initio / dari permulaan dan sebarang perkhidmatan dihentikan atau diabaikan.*

#### **4. Disclosure of Personal Data** **4. Pendedahan Data Peribadi**

Without prejudice to any authorisation and consent given by you in relation to or pursuant to any of the terms, notice or statement in authorising us to release and disclose your personal data, we may disclose, disseminate and / or transfer your personal data to any of our affiliates or related companies or business associates or organisations howsoever connected to us in Malaysia or abroad, or to any third party organisations or persons for the purpose of carrying out and / or fulfilling our obligations in respect of the Purposes and / or to all other purposes that are related to the Purposes, including without limitation:

- (a) Insurance or reinsurance companies;
- (b) Broking firms;
- (c) Loss adjusting firms / companies;
- (d) Claims or forensic investigators;
- (e) Laws firms / the Courts;
- (f) Credit reference companies; and
- (g) Personnel who are connected to the enforcement or preservation of any of our rights and obligations under your Policy maintained with us.

*Tanpa prejudis terhadap sebarang kebenaran dan persetujuan yang diberikan oleh anda berhubung dengan, atau menurut mana-mana terma, notis atau kenyataan dalam membenarkan kami untuk mengeluarkan dan mendedahkan data peribadi anda, kami boleh mendedahkan, menyebarkan dan/atau memindahkan data peribadi anda kepada mana-mana sekutu kami atau syarikat berkaitan atau sekutu perniagaan atau organisasi walau apa cara sekalipun berkaitan dengan kami di dalam Malaysia mahupun di luar negara, atau kepada mana-mana organisasi atau pihak ketiga untuk tujuan menjalankan dan/atau memenuhi kewajipan kami berkenaan dengan Tujuan dan/atau kepada semua tujuan yang lain yang berkaitan dengan Tujuan, termasuk tanpa had:*



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

- (a) *Syarikat insurans atau insurans semula;*
- (b) *Firma broker;*
- (c) *Firma / syarikat penyelaras kerugian;*
- (d) *Tuntutan atau penyiasat forensik;*
- (e) *Firma guaman / Mahkamah;*
- (f) *Syarikat rujukan kredit; dan*
- (g) *Kakitangan yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak dan kewajipan kami di bawah Polisi anda yang dikekalkan dengan kami.*

We may also disclose your personal data to external service providers (including but not limited to mailing house, telecommunication companies, telemarketing and direct sales agents, call centres, data processing companies and information technology companies) that we engage for the purpose of carrying out and / or fulfilling our obligations in respect of the Purposes and / or to all other purposes that are related to the Purposes, to the extent as applicable and necessary.

*Kami juga mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada pembekal perkhidmatan luar (termasuk tetapi tidak terhad kepada peti alamat surat menyurat, syarikat telekomunikasi, tele-pemasaran dan ejen jualan langsung, pusat panggilan, syarikat pemprosesan data dan syarikat teknologi maklumat) yang kami lantik bagi menjalankan dan / atau memenuhi kewajipan kami berkenaan dengan Tujuan dan / atau untuk semua tujuan lain yang berkaitan dengan Tujuan.*

We may also disclose your information to other third parties including, without limitation service providers appointed by the regulatory body / governing authority / association / federation of insurance companies or the corporate entities, governmental, legal, regulatory or judicial bodies, where such disclosure:

- (a) is requested or authorised by you;
- (b) is lawfully permitted or required;
- (c) is in compliance with any judicial order or legal requirement or instruction of such legal or regulatory authority;
- (d) is required to protect and defend us and our property; and
- (e) for all other purpose incidental and associated with any of the above or the provision of our products or services to you.

*Kami juga mungkin mendedahkan maklumat anda kepada pihak ketiga yang lain termasuk, tanpa had, pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh badan kawal selia / pihak berkuasa pentadbiran / persatuan / persekutuan syarikat insurans atau entiti korporat, badan kerajaan, perundangan, kawal selia atau kehakiman, di mana pendedahan tersebut:*

- (a) *diminta atau dibenarkan oleh anda;*
- (b) *dibenarkan atau dikehendaki secara sah;*
- (c) *adalah mematuhi mana-mana perintah kehakiman atau keperluan undang-undang atau arahan pihak berkuasa undang-undang atau kawal selia tersebut;*
- (d) *dikehendaki bagi melindungi dan mempertahankan kami dan harta benda kami; dan*
- (e) *untuk semua tujuan lain yang bersampingan dan dikaitkan dengan mana-mana di atas atau penyediaan produk atau perkhidmatan kami kepada anda.*





## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

In the case where the disclosure of your personal data may involve disclosure and / or transfer of your personal data to places outside of Malaysia, you agree to such a disclosure or transfer where it is necessary to carry out and to fulfill our obligations in respect of the Purposes.

*Dalam kes di mana pendedahan data peribadi anda mungkin melibatkan pendedahan dan/atau pemindahan data peribadi anda ke tempat-tempat di luar Malaysia, anda bersetuju dengan pendedahan atau pemindahan tersebut di mana ianya perlu bagi melaksanakan dan memenuhi kewajipan kami berkenaan dengan Tujuan.*

Notwithstanding the foregoing, we will endeavour to treat your personal data held by us as confidential, and to ensure that our affiliates or related companies treat your personal data as confidential in accordance with this Privacy Policy and with all applicable data protection legislation, to the extent as practicable and necessary.

*Namun demikian, kami akan berusaha untuk mengendali data peribadi anda yang dipegang oleh kami secara sulit, dan akan memastikan ahli gabungan kami atau syarikat berkaitan mengendali data peribadi anda secara sulit menurut Polisi Privasi ini dan dilindungi semua undang-undang perlindungan data yang berkenaan.*

### **5. Accessing to and Updating Personal Data**

#### **5. Mengakses dan Mengemas Kini Data Peribadi**

Please note that the accuracy of your personal data provided to us is essential. You are responsible for informing us about changes to your personal data or in the event you believe that the personal data we have about you is inaccurate, incomplete, misleading or not up to date.

*Sila ambil maklum bahawa ketepatan data peribadi anda yang diberikan kepada kami adalah penting. Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada kami tentang perubahan pada data peribadi anda atau sekiranya anda percaya bahawa data peribadi anda yang kami simpan adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau perlu dikemaskini.*

You have the right to access your personal data subject to the provisions of the PDPA. We recommend you to provide us with written notice and / or to complete the data access form, whichever is applicable and practicable, in requesting for access to your personal data. Please note that we may require you to provide us with additional information as reasonably necessary and as required under the PDPA for us to satisfy your data access request.

*Anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi anda tertakluk kepada peruntukan PDPA. Kami mengesyorkan anda untuk memberikan kami notis bertulis dan/atau untuk melengkapkan borang akses data, yang mana berkenaan dan bersesuaian, dalam meminta akses kepada data peribadi anda. Sila ambil maklum bahawa kami mungkin memerlukan anda untuk memberikan kami maklumat tambahan yang perlu, di bawah PDPA, untuk kami memenuhi permintaan akses data anda.*

We reserve the right to charge you a reasonable fee for the processing of any data access request.

*Kami berhak untuk mengenakan bayaran yang berpatutan kepada anda untuk pemrosesan sebarang permintaan akses data.*



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

### **6. Security And Protection of Personal Data** **6. Keselamatan Dan Perlindungan Data Peribadi**

We will take the necessary precautions, both administrative and technical, to safeguard your personal data against loss, theft, misuse and unauthorised access or disclosure, unauthorised alteration or destruction.

*Kami akan mengambil langkah berjaga-jaga yang wajar, termasuk pentadbiran dan teknikal, untuk melindungi data peribadi anda daripada kehilangan, kecurian, penyalahgunaan dan akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan, pengubahsuaian atau kemusnahan yang tidak dibenarkan.*

### **7. Retention of Personal Data** **7. Pengekalan Data Peribadi**

We will only retain your personal data for as long as necessary to fulfill our obligations in respect of the Purposes and to all other purposes that are related thereto and / or purpose(s) for which it was collected or to comply with legal, regulatory and internal requirements.

*Kami hanya akan menyimpan data peribadi anda selama yang diperlukan untuk memenuhi kewajipan kami berkenaan dengan Tujuan dan bagi semua tujuan lain yang berkaitan dengannya dan/atau tujuan ia dikumpul atau untuk mematuhi undang-undang, peraturan dan keperluan dalaman.*

### **8. Cookies And Links to Other Websites** **8. Kuki Dan Pautan ke Laman Web Lain**

We may use cookies on our website to allow you to set your individual preferences and to help us provide a better user experience. In this regard, you may choose to accept or decline cookies if your browser permits, but declining cookies may affect your use of the facilities on our website and your ability to access certain features of the site or to engage in transactions.

*Kami mungkin menggunakan kuki di laman web kami untuk membolehkan anda menetapkan pilihan individu anda dan untuk membantu kami memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik. Dalam hal ini, anda boleh memilih untuk menerima atau menolak kuki jika penyemak imbas anda membenarkan, tetapi menolak kuki boleh menjejaskan penggunaan kemudahan anda di laman web kami dan keupayaan anda untuk mengakses ciri tertentu laman web atau untuk terlibat dalam transaksi.*

Our website may contain links to other third party owned and operated websites or internet resources. When you click on one of those links you are contacting another website or internet resource, we have no responsibility or liability for or control over those other websites or internet resources or their collection, use, or in any way processing of your personal data. The inclusion of third-party websites on our website shall not in any way constitute an endorsement of such website's contents, actions or policies.

*Laman web kami mungkin mengandungi pautan ke laman web lain yang dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga atau sumber internet. Apabila anda memilih salah satu pautan tersebut, anda telah menghubungi laman web atau sumber internet yang lain di luar laman web kami, dengan itu kami tidak mempunyai tanggungjawab atau liabiliti untuk atau mengawal ke atas laman web atau sumber internet lain atau pengumpulan, penggunaan, atau pemprosesan data peribadi anda dalam apa jua cara. Kemasukan laman web pihak ketiga di laman web kami tidak akan sama sekali membentuk pengendorsan kandungan, tindakan atau dasar laman web tersebut.*



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

### **9. Personal Data Involving Minors And Persons with Disabilities** **9. Data Peribadi Melibatkan Kanak-Kanak dan Orang Kurang Upaya**

This Section applies to personal data collected in relation to the following individuals:

- (a) individual under the age of majority i.e., eighteen (18);
- (b) Individuals who lack the capacity to give or withhold consent due to:
  - (i) his disability or inability to comprehend and retain information material to give his consent and / or to make any decision; and / or
  - (ii) he is unable to use and weigh information in the decision-making process; and / or
  - (iii) he is unconscious.

In addition and without prejudice to the provisions of the Privacy Policy, the personal data of the individuals as listed in this Section will be collected by us in accordance with our rules, policies and guidelines. In the event we become aware that the personal data of such individuals has been collected in contravention of our rules, policies and guidelines, we will endeavour to cause the necessary correction in order to be in compliance with our rules, policies and guidelines.

*Bahagian ini diguna pakai bagi data peribadi yang dikumpul bagi individu-individu berikut:*

- (a) *individu di bawah umur majoriti iaitu lapan belas tahun (18);*
- (b) *individu yang tidak mempunyai kemampuan untuk memberi atau menahan persetujuan kerana:*
  - (i) *kehilangan upaya atau ketidakupayaannya untuk memahami dan mengekalkan bahan maklumat untuk memberikan persetujuannya dan / atau untuk membuat sebarang keputusan; dan / atau*
  - (ii) *dia tidak dapat menggunakan dan mempertimbangkan maklumat dalam proses membuat keputusan; dan / atau*
  - (iii) *dia tidak sedarkan diri.*

*Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada peruntukan Polisi Privasi, data peribadi individu seperti yang disenaraikan dalam Perkara ini akan kami kumpulkan mengikut peraturan, dasar dan garis panduan kami. Sekiranya kami menyedari bahawa data peribadi individu tersebut telah dikumpul secara bertentangan dengan peraturan, dasar dan garis panduan kami, kami akan berusaha untuk membuat pembetulan yang sewajarnya agar mematuhi peraturan, dasar dan garis panduan kami.*

### **10. Update and Changes to this Privacy Policy** **10. Kemas Kini dan Perubahan kepada Polisi Privasi ini**

We reserve the right to amend and update this Privacy Policy from time to time. This Privacy Policy together with any changes, amendments or updates will be posted on our website (<http://www.poi2u.com>).

*Kami berhak untuk meminda dan mengemas kini Polisi Privasi ini dari semasa ke semasa. Polisi Privasi ini bersama dengan sebarang perubahan, pindaan atau kemas kini akan disiarkan di laman web kami (<http://www.poi2u.com>).*



## Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

This Privacy Policy will be provided in both English and Bahasa Malaysia. In case of any inconsistencies, the English version shall prevail.

*Polisi Privasi ini akan disediakan dalam dua bahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.*

### **11. Contacting Us** **11. Menghubungi Kami**

If you need to contact us on any questions or concerns regarding this Privacy Policy, please call or e-mail us at the contact number and e-mail address as specified below:-

**PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD**  
**[Company No. 197201000959 (12557-W)]**  
**11<sup>th</sup> Floor, Wisma Bumi Raya**  
**No. 10 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**  
**Tel No. : 03-26985033**  
**Tele-insurance No. : 1-800-88-2121**  
**E-mail : poi2u@pacific-orient.com**

*Jika anda perlu menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan atau kebimbangan mengenai Polisi Privasi ini, sila hubungi kami di talian atau alamat e-mel seperti yang dinyatakan di bawah:-*

**PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD**  
**[No. Syarikat 197201000959 (12557-W)]**  
**11<sup>th</sup> Floor, Wisma Bumi Raya**  
**No 10 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**  
**No. Tel : 03-26985033**  
**No. Tele-insurans : 1-800-88-2121**  
**E-mel : poi2u@pacific-orient.com**



Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

**OTHER TERMS / TERMA-TERMA LAIN**

**Public / Orang Awam:**

1. I hereby declare that I am the Beneficial Owner of this Policy. Should there be any change on the Beneficial Owner, I will inform the Company before any claim payment is made by the Company.
1. *Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa saya adalah Pemilik Manfaat Polisi ini. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Pemilik Manfaat, saya akan memaklumkan kepada Syarikat sebelum sebarang pembayaran tuntutan dibuat oleh Syarikat.*
2. I hereby declare that the information provided is true and correct at the point of Policy issuance.
2. *Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan betul pada masa pengeluaran Polisi.*

**Agent / Agen:**

1. I, the Agent of the Insured, hereby declare that the Insured is the Beneficial Owner of this Policy. Should there be any change on the Beneficial Owner, I / the Insured will inform the Company before any claim payment is made by the Company.
1. *Saya, Agen kepada Pemegang Insurans, dengan ini mengisytiharkan bahawa Pemegang Insurans ini adalah Pemilik Manfaat Polisi ini. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Pemilik Manfaat, saya / Pemegang Insurans akan memaklumkan kepada Syarikat sebelum sebarang pembayaran tuntutan dibuat oleh Syarikat.*
2. I hereby declare that the information provided is true and correct at the point of Policy issuance.
2. *Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan betul pada masa pengeluaran Polisi.*
3. I, the Agent, hereby notified and hereby acknowledge that my personal data, such as my name, IC number, past employment history and other relevant information as may be required pursuant to regulatory requirements [such as guidelines, directives and policy documents issued by Bank Negara Malaysia (“BNM”), including the BNM Policy Document on Professionalism of Insurance and Takaful Agents], may be made available on a centralised database, also established pursuant to regulatory directives. I understand that provision of my personal data for this purpose is mandatory, without which, I will not be able to register as an insurance agent.
3. *Saya, selaku Agen, dengan ini mengambil maklum bahawa data peribadi saya, seperti nama, nombor kad pengenalan, latar belakang pekerjaan terdahulu dan informasi lain yang berkaitan yang mungkin dikehendaki bagi tujuan pematuhan (seperti garis panduan, arahan dan polisi yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”), termasuk polisi dokumen BNM berkenaan Profesionalisma Agen Insurans dan Pengendali Takaful), akan diterbitkan dalam pangkalan data pusat, dan akan diterbitkan seperti yang dikehendaki oleh arahan pematuhan. Saya faham bahawa tindakan ini adalah wajib dan tanpa maklumat data peribadi, saya tidak akan boleh disenarai sebagai Agen Insurans.*